

19/08/1997

Mesyuarat CHOGM bincang isu mata wang

KUALA LUMPUR, Isnin - Krisis mata wang yang melanda negara Asia Tenggara akan dibincangkan dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Edinburgh, Oktober ini.

Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku, berkata langkah pertama yang perlu dilaksanakan ialah menjalankan kajian terperinci untuk melindungi pertumbuhan ekonomi negara anggota Komanwel termasuk Asia Tenggara.

"Saya berharap CHOGM akan meneliti kesan serangan spekulasi seumpama itu terhadap negara anggotanya," katanya ketika menjawab soalan wartawan pada majlis makan tengah hari anjuran Institut Akhbar Malaysia (AIM) di sini, hari ini. Hadir sama, Pengarang Urusan New Straits Times (NST) Sdn Bhd, Zainon Ahmad.

Anyaoku yang tiba di sini minggu lalu turut membincangkan perkara itu dalam pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pagi ini.

Beliau menjelaskan, keanggotaan CHOGM yang merangkumi ahli pertubuhan Kumpulan Negara Maju (G-7), Kumpulan Negara Membangun (G-15) dan Asean sesuai menjadi pentas perbincangan bagi isu berkenaan.

(END)